

Newspaper	Berita Harian
Date	19/11/2012

Pelbagai pihak kutuk serangan tentera Israel

BH - 19/11/12

Kuala Lumpur: Serangan berterusan tentera Israel ke atas Gaza terus mengundang bantahan pelbagai pihak, termasuk beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara ini.

Naib Presiden Wanita Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Fadhlina Siddiq, berkata tindakan kejam tentera Israel itu bagaikan mengulangi kezaliman militan Serbia ketika melakukan pembersihan etnik ke atas masyarakat Bosnia Herzegovina.

Beliau berkata, perilaku kejam yang melampaui batas manusia normal itu harus ditolak oleh semua masyarakat dunia.

"Keganasan mereka ini seolah tiada hentinya dan rakyat Palestin terus ditindas. Kami mengutuk semua bentuk keganasan, kezaliman dan penindasan terhadap nyawa manusia kerana ia jelas bertentangan dengan prinsip maqasid syariah yang ditekankan oleh Perdana Menteri kita," katanya kepada BH di sini, semalam.

Setiausaha Kerja Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, serangan dan penindasan Israel akan terus berlaku selagi negara Islam tidak bersatu.

Katanya, perbezaan mazhab dan pendapat yang lazim mencetuskan perselisihan dalam kalangan negara Islam hanya menjadikan kuasa Islam di dunia lemah.